

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

NO. SOALAN : 58

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi membantu golongan masyarakat luar bandar terutamanya golongan belia untuk memiliki rumah sendiri tanpa perlu berhijrah ke bandar memandangkan kurangnya projek perumahan mampu milik yang disediakan oleh Kerajaan di kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya semua belia yang menetap di luar bandar untuk terus tinggal dan menetap di kampung masing-masing bagi meneruskan agenda transformasi pembangunan luar bandar.

Antara usaha Kerajaan melalui kementerian ini adalah dengan menyediakan Program Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang dilaksanakan melalui RISDA dan FELCRA. Adalah di harap melalui program ini, golongan belia di luar bandar akan mendapat akses untuk memiliki kediaman sendiri dengan harga mampu milik.

Bagi pelaksanaan 2017, FELCRA telah diperuntukkan sebanyak RM28 juta bagi membina sebanyak 400 unit Rumah BN. Manakala, RISDA telah diperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi membina 300 unit Rumah BN dan ini telah menjadikan keseluruhan

peruntukan program Rumah BN yang diterima oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM34 juta.